



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**11 SEPTEMBER 2019 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- 19 Kawasan Catat CPU Tidak Sihat	8
- MDKS nafi Caj Parkir Lebih Mahal	29

**The Star**

Close Than We Thought	1
-----------------------	---



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
11 SEPTEMBER 2019 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	19 Kawasan Catat CPU Tidak Sihat
Muka Surat	8

## 19 kawasan catat IPU tidak sihat



Permandangan bandar Seremban yang kabur akibat jerebu semalam.

SINAR 11/9/19

m/s 8

**KUALA LUMPUR** - Kualiti udara 19 kawasan di seluruh negara mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat setakat jam 7 petang semalam.

Berdasarkan bacaan dalam laman sesawang Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS), 19 kawasan itu terdiri daripada tiga di Kuala Lumpur, selain Selangor (lima), Negeri Sembilan (tiga), Melaka (tiga), Sarawak (tiga) dan masing-masing satu di Johor dan Pahang.

Rompin di Pahang merekodkan bacaan IPU tertinggi iaitu 195 manakala Sri Aman, Sarawak mencatatkan bacaan kedua tertinggi iaitu 171.

Sebanyak 47 stesen melibat-

kan Terengganu, Pahang, Perak, Selangor, Johor dan Sarawak pula merekodkan bacaan IPU sederhana.

IPU antara 0 hingga 50 adalah baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 301 ke atas (berbahaya).

Iasnin lalu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengeluarkan kenyataan bahawa kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia menyebabkan jerebu merentasi sempadan.

Ia memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia dan barat Sarawak.



Pemandangan di sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya pada jam 11 pagi semalam mencatatkan bacaan IPU tidak sihat iaitu 139.

■ S S U L E Z R ( S R K H T R R P L C S R S J R



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**11 SEPTEMBER 2019 (RABU)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MDKS nafi Caj Parkir Lebih Mahal
Muka Surat	29

Sinar 11/9/19 ms 29

# MDKS nafi caj parkir lebih mahal

**Masih mengekalkan kadar munasabah paling rendah iaitu 50 sen sejam tidak termasuk SST**

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

**M**ajlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menafikan caj parkir berbayar yang dikenakan lebih mahal berbanding caj dikenakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Yang Dipertua, Rahilah Rahmat berkata, perbandingan caj bayaran parkir yang tular di Facebook itu tidak tepat kerana menggunakan kupon MBSA pada harga lama.

Hasil semakan MDKS, katanya, kadar caj letak kereta MBSA berharga 60 sen tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)

bermula 1 April 2019.

"Caj parkir berbayar dikenakan MDKS masih pada kadar munasabah iaitu 50 sen sejam tidak termasuk SST. Malah kadar ini juga masih lagi pada tahap yang rendah di antara pihak berkuasa tempatan (PBT) lain di negeri dan negara ini," katanya di sini semalam.

Sebelum itu, tular gambar kupon di laman sosial Facebook mendakwa caj dikenakan MBSA lebih murah berbanding MDKS.

Mengulas kenyataan Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar yang mendakwa beberapa kawasan di daerah itu dikecualikan daripada pelaksanaan caj parkir, Rahilah berkata, pelaksanaan zon parkir dilakukan secara berperingkat.

Beliau berkata, untuk permulaan fasa pertama, sebanyak 6,090 atau 18 peratus daripada jumlah keseluruhan tapak diwartakan sebagai zon parkir berbayar.

Menurutnya, sebanyak 33,858 jumlah tapak parkir di bawah penyelegaraan MDKS berdasarkan pembangunan sedia ada di daerah itu.

"Fasa pertama kawasan yang dikenakan caj adalah kawasan-kawasan strata berkepadatan tinggi jumlah kenderaan yang menggunakan ruang parkir.

"Penambahan kawasan pewartaan zon parkir berbayar akan dilaksanakan untuk fasa seterusnya secara berperingkat dan sebarang perubahan atau penambahan akan dimaklumkan kepada penduduk daripada masa ke semasa," katanya.

Orang ramai boleh mendapatkan info terkini mengenai zon kawasan parkir berbayar melalui laman rasmi Facebook MDKS atau di laman sesawang [www.mdks.gov.my](http://www.mdks.gov.my).

Sinar Harian sebelum ini melapor kenyataan Noh yang meminta MDKS memberi penjelasan kepada rakyat berhubung dakwaan beberapa kawasan di daerah itu dikecualikan daripada pelaksanaan caj parkir berbayar yang mula dilaksanakan sejak 3 September lalu.

Noh berkata, beliau hairan mengapa tempat tertentu seperti di Pasir Penambang tidak dikenakan caj parkir terbabit.

Murahnya caj parkir shah alam ada yang cakap, kupon lama, masih sah digunakan.



Tular di Facebook perbandingan caj kupon parkir berbayar antara MDKS dan MBSA semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
11 SEPTEMBER 2019 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Closer Than We Thought
Muka Surat	1

**Asean+**  
Nasa is developing a new technique to forecast malaria outbreaks in Myanmar from space. >19

**The Star** people's paper

WEDNESDAY 11 SEPTEMBER 2019 PP1641/03/2013 (031549) (No. 21917) RM1.60 1300-88-7827 (Customer Service)

**Modern and trendy with over 20 million views**  
Scan to view [mstar.com.my](http://mstar.com.my)

# Closer than we thought

THE STAR 11/9/19 ms 1

Taking the stand for the fourth day, a former aide of Datuk Seri Najib Razak continued to divulge fascinating details about his former boss. The latest revelation from Datuk Amhari Efendi Nazaruddin at the 1MDB trial indicated that Jho Low, the man at the heart of the financial scandal, had often attended "exclusive" parties held at the private residence of the former prime minister. Low was also said to be close to Datin Seri Rosmah Mansor, who spoke "fondly" about the fugitive financier. > See reports on page 4 by NURBAITI HAMDAN and HANIS ZAINAL

Air Pollutant Index reading (As at 8pm, Sept 10)  
19 stations recorded unhealthy level: 101-200

Kuala Lumpur <b>154</b>	Putrajaya <b>142</b>	Petaling Jaya <b>137</b>	Seremban <b>121</b>	Nilai <b>148</b>	Rompin <b>195</b>	Tangkap <b>124</b>	Sri Aman <b>170</b>
-------------------------	----------------------	--------------------------	---------------------	------------------	-------------------	--------------------	---------------------

Hard going: SK Jalan Ong Tiang Swee pupils wearing face masks while sitting for the UPSR examination in Kuching. — ZULAZHAR SHEBLEE/The Star

**Oh no!  
Not again**

Malaysia has once again informed Indonesia about how the trans-boundary haze is impacting the country. Unhealthy air readings are just the start of the havoc:

- > Schools were closed and a large shipment of face masks rushed to Sarawak. Students in the state managed to sit for the UPSR exams.
- > Malaysians are coughing, their eyes watery and they are upset with the worsening air quality.